




IMBASAN TULANG


PENDIDIKAN PESAKIT



Imbasan Tulang

Apakah Imbasan Tulang?

Imbasan tulang ialah ujian yang menggunakan sejumlah kecil bahan radioaktif untuk mengesan penyakit pada tulang. Bahan radioaktif akan disuntik ke dalam vena dan terkumpul di kawasan yang mempunyai aktiviti tulang yang tinggi (high bone turnover). Kamera gamma kemudian mengambil gambar rangka, dan tulang yang terjejas akan kelihatan sebagai tompok gelap.



Kelebihan Imbasan Tulang

Imbasan tulang ialah ujian pengimejan khusus yang membantu doktor untuk mengesan masalah di seluruh tulang rangka anda. Ianya boleh mengesan patah kecil, atau penyakit seperti arthritis, kanser atau metastasis tulang—malah sebelum dapat dilihat pada X-ray biasa.




Risiko dan Had

Imbasan ini menggunakan bahan radioaktif dalam jumlah yang sangat sedikit yang dipanggil pengesan (tracer), menghasilkan tenaga yang sama seperti X-ray. Jumlah radiasi yang sangat rendah ini menjadikannya selamat untuk kebanyakan orang.


Bagaimana Imbasan Tulang Dilakukan?

1 Suntikan Pengesan



Pertama sekali, anda perlu menerima suntikan pengesan ke dalam vena.

Masa antara suntikan dan imbasan bergantung pada tujuan imbasan. Kebanyakan masa, imbasan dilakukan **2.5 ke 3 jam** selepas suntikan untuk memberi masa tracer untuk diserap ke dalam tulang dengan baik. Dalam sesetengah kes, pengimejan diambil terus selepas suntikan.



Wait
2.5 - 3 hrs



Adalah disyorkan untuk minum air yang banyak sementara menunggu.



Anda juga akan diminta untuk mengosongkan pundi kencing sebelum imbasan.

Prosedur Imbasan

2

Untuk imbasan, anda akan diminta untuk berbaring di atas meja imbasan sementara kamera gamma bergerak di atas badan anda. Prosedur ini tidak menyakitkan dan boleh mengambil masa sehingga setengah jam. Imbasan SPECT dijalankan di mana kamera bergerak mengelilingi badan anda untuk mendapatkan imej tulang tertentu dengan lebih jelas.



Tiada kesan sampingan yang dikaitkan dengan penggunaan pengesan untuk imbasan tulang.





Persediaan Untuk Imbasan

Tiada persediaan khusus diperlukan.

Anda perlu menanggalkan sebarang **barang kemas atau tali pinggang** sebelum imbasan.



Bilakah Anda Akan Menerima Laporan?

Laporan akan siap dalam beberapa jam selepas imbasan anda.



Kehamilan dan Penyusuan

Jika anda hamil atau mengesyaki diri anda hamil, sila maklumkan kepada kakitangan kami sebelum prosedur dijalankan.

Bagi ibu yang menyusu, dinasihatkan untuk hentikan penyusuan dan membuang susu ibu dari badan dalam **tempoh 24 jam selepas imbasan**.


Anda boleh menyusu semula selepas tamat tempoh ini.



Pandangan Planar Imbasan Tulang



Gambar menunjukkan pengambilan pengesan pada vertebra torasik



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

+603-7494 1017

+603-7491 1483

smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat 8.30am - 5.30pm

Sabtu 8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum